

TAJUK : 3.0 Pendapatan Individu
Standard Kandungan : 3.1 Wang Dan Bank

- Encik Akhtar membayar pendahuluan untuk rumah teres dua tingkat RM50 000 dan ansuran bulanan sebanyak RM3 500.

I. Alat perantara pertukaran
II. Alat bayaran tertunda
III. Alat ukuran nilai
IV. Alat penyimpanan nilai

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

- 1


5. Logo di bawah ini merujuk kepada sebuah institusi kewangan di Malaysia.



Antara yang berikut, manakah yang merupakan fungsi institusi kewangan tersebut?

- I. Mengeluar wang kertas
 - II. Mengawal rizab berkanun
 - III. Menerima deposit daripada firma besar
 - IV. Memberi pinjaman terakhir
- A. I, II, dan III C. I, III, dan IV
B. I, II, dan IV D. II, III, dan IV

6. Rajah di bawah ini berkaitan dengan bank pusat dan bank perdagangan.



Manakah yang benar tentang kawasan berlorek X?

- A. Menerima deposit daripada orang ramai
- B. Menstabilkan nilai mata wang
- C. Mempunyai motif untung maksimum
- D. Memberi pinjaman kepada kerajaan

7. Antara yang berikut, pernyataan manakah yang menerangkan fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan?

- I. Mengeluar wang kertas
 - II. Mengawal rizab berkanun
 - III. Menerima deposit daripada firma besar
 - IV. Memberi pinjaman terakhir
- A. I dan II C. II dan III
B. I dan IV D. III dan IV

8. Antara yang berikut, manakah yang merupakan fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada bank perdagangan?

- I. Menurunkan nisbah rizab tunai
 - II. Menguruskan hutang luar negara
 - III. Memungut hasil cukai dan hasil bukan cukai
 - IV. Memberi pinjaman untuk memenuhi tuntutan di luar jangka
- A. I dan II C. II dan III
B. I dan IV D. III dan IV

9. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan satu tindakan Bank Negara Malaysia.

Campur Tangan dalam Pasaran Pertukaran Asing

Bank Negara Malaysia membuat keputusan akan membeli Ringgit Malaysia (RM) dengan menjual rizab antarabangsa yang dipegangnya.

Apakah kesan kepada ekonomi Malaysia?

- A. Rizab Negara semakin bertambah
- B. Nilai Ringgit Malaysia semakin meningkat
- C. Aliran mudah tunai domestik berkurang
- D. Tingkat pelaburan domestik tidak berubah

10. Antara yang berikut, yang manakah tindakan Bank Negara Malaysia untuk mengawal kestabilan Ringgit Malaysia?

- I. Memastikan sandaran minimum dipatuhi
 - II. Mengawal inflasi
 - III. Menyokong Ringgit Malaysia di pasaran tukaran asing
 - IV. Memberi pinjaman terakhir
- A. I, II, dan III C. I, III, dan IV
B. I, II, dan IV D. II, III, dan IV


11. Maklumat yang berikut berkaitan dengan satu kemudahan pembayaran yang disediakan oleh bank perdagangan.

- Puan Ummy adalah pemegang akaun tabungan di Bank Raya Berhad.
- Beliau membeli polisi insurans nyawa dari Syarikat Insurans Intan Berhad.
- Jumlah bayaran premium yang perlu dibayar setiap bulan adalah sebanyak RM200.
- Beliau mengarahkan pihak bank membuat bayaran tersebut pada setiap 25 hari bulan secara tetap dan berulang kepada syarikat insurans tersebut.

Apakah kemudahan pembayaran tersebut?

- A. Draf bank
- B. Debit langsung
- C. Pindahan kredit
- D. Perintah sedia ada

12. Rajah di bawah ini menunjukkan akaun simpanan dan akaun semasa.



Apakah yang ditunjukkan oleh kawasan berlorek?

- I. Mengeluarkan wang dengan kad ATM
 - II. Mendepositkan wang melalui Mesin Deposit Tunai
 - III. Mengeluarkan wang yang melebihi baki
 - IV. Menerima sijil simpanan
- A. I dan II C. II dan III
B. I dan IV D. III dan IV

13. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan suatu fungsi bank perdagangan.

- Pemegang akaun menerima penyata bulanan
- Kadar faedah minimum diberikan kepada pemegang akaun

Penyataan manakah yang betul?

- I. Pendeposit boleh membuat bayaran dengan cek
 - II. Pemegang akaun menikmati kemudahan overdraf
 - III. Pendeposit boleh mengeluarkan wang pada satu tempoh masa tertentu
 - IV. Pendeposit boleh membayar bil utiliti melalui internet
- A. I, II, dan III C. I, III, dan IV
B. I, II, dan IV D. II, III, dan IV

14. Manakah yang benar tentang akaun simpanan tetap?

- A. Kadar faedah yang diberi adalah lebih rendah
- B. Pulangan faedah diperoleh setelah cukup tempoh
- C. Pengeluaran wang pada bila-bila masa
- D. Pemegang akaun akan diberi buku bank

15. Apakah kemudahan yang disediakan oleh bank perdagangan untuk mengurangkan penggunaan tunai untuk pelbagai urusan niaga dalam ekonomi?

- I. Cek
 - II. Kad kredit
 - III. Perbankan internet
 - IV. Kad juruwang elektronik
- A. I, II, dan III C. I, III, dan IV
B. I, II, dan IV D. II, III, dan IV

16. Apakah kelebihan jika pendeposit menukarkan akaun simpanan kepada akaun semasa?

- I. Menikmati kemudahan overdraf
- II. Menikmati kadar faedah yang lebih tinggi
- III. Boleh mengeluarkan wang pada bila-bila masa
- IV. Membuat bayaran dengan menggunakan cek

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

17. Maklumat yang berikut berkaitan dengan suatu prinsip syariah dalam sistem perbankan.

- Menerima deposit bertempoh daripada individu
- Untung dikongsi bersama pada kadar yang dipersetujui

Apakah prinsip yang digunakan oleh bank perdagangan tersebut?

- A. Mudharabah
- B. Takjiri
- C. Wadiah
- D. Bai Bithaman Ajil

18. Dalam prinsip syariah, Wadiah menyediakan.....

- I. Akaun tetap
- II. Akaun pelaburan
- III. Akaun simpanan
- IV. Akaun semasa

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

19. Sesuatu benda yang diterima sebagai wang dalam ekonomi seharusnya

- I. sukar diperolehi oleh orang ramai
- II. mempunyai penawaran yang terhad
- III. diterima umum oleh masyarakat
- IV. tidak boleh dibahagikan kepada unit yang kecil

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

20. Gambar di bawah menunjukkan suatu urus niaga



Antara yang berikut, yang manakah adalah **benar** mengenai urus niaga tersebut?

- I. Memerlukan kehendak serentak
 - II. Menghadapi masalah simpanan nilai
 - III. Menjadikan urus niaga barangan lebih cekap
 - IV. Membolehkan urus niaga barangan pelbagai hala dilakukan
- A. I dan II C. II dan III
B. I dan IV D. III dan IV

21. Gambar dibawah menunjukkan iklan jualan sebuah motorsikal



Apakah fungsi wang terlibat dalam iklan tersebut?

- A. Alat ukuran nilai
- B. Alat simpanan nilai
- C. Alat bayaran tertunda
- D. Alat perantaraan pertukaran

22. Antara yang berikut, yang manakah **tepat** mengenai fungsi wang sebagai alat bayaran tertunda dalam ekonomi?

- A. Urus niaga pelbagai hala dalam masyarakat dapat dilakukan
- B. Membolehkan nilai sesuatu barangan ditentukan dalam sebutan harga
- C. Membolehkan individu membeli barang secara kredit dan sewa beli
- D. Individu dapat menangguhkan kuasa beli pada masa kini ke suatu masa tertentu


23. Gambar di bawah menunjukkan logo sebuah institusi kewangan.



Pilih pernyataan yang benar mengenai institusi kewangan tersebut.

- I. Memberikan pinjaman bercagar
 - II. Dikenal sebagai bank Negara Malaysia
 - III. Bertanggungjawab mencetak mata wang negara
 - IV. Menerima simpanan tetap daripada masyarakat
- A. I dan II C. II dan III
B. I dan IV D. III dan IV
24. Bagaimanakah bank pusat dapat memainkan peranan untuk menstabilkan nilai Ringgit Malaysia?
- I. Mencetak mata wang Negara apabila tidak mencukupi dalam pasaran
 - II. Memastikan Ringgit Malaysia mempunyai nilai sandaran minimum
 - III. Membeli Ringgit Malaysia dengan pertukaran asing jika nilai Ringgit menurun
 - IV. Memberi pinjaman kepada kerajaan yang menghadapi masalah kekurangan hasil
- A. I dan II C. II dan III
B. I dan IV D. III dan IV
25. Pilih pernyataan yang **tepat** menerangkan maksud rizab antarabangsa Negara.
- A. Simpanan wajib bank perdagangan di bank pusat berdasarkan jumlah deposit yang diterima
 - B. Sumber pinjaman bank pusat kepada bank perdagangan yang menghadapi kekurangan tunai
 - C. Pendahuluan sementara yang diberi kepada kerajaan yang menghadapi kekurangan hasil
 - D. Simpanan mata wang asing oleh bank pusat dalam Dolar Amerika dan Pound Sterling
26. Antara yang berikut, yang manakah merupakan fungsi Bank Negara Malaysia sebagai jurubank kepada kerajaan?
- A. Mentadbir akaun kerajaan
 - B. Mengawal kadar faedah
 - C. Mengawal syarat sewa beli
 - D. Mengawal rizab berkanun bank perdagangan

27. Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu kemudahan bank pusat untuk bank perdagangan.



Apakah kemudahan X?

- A. Akaun penjelasan
 - B. Akaun deposit tetap
 - C. Akaun pelaburan khas
 - D. Akaun rizab berkanun
28. Mengapakah bank pusat bertindak mengawal kadar rizab berkanun bank perdagangan?
- A. Menjaga kepentingan para pendeposit
 - B. Mengawal penawaran wang dalam ekonomi
 - C. Mengawal margin keuntungan bank perdagangan
 - D. Meningkatkan kuasa beli masyarakat semasa inflasi
29. Mengapakah deposit semasa dalam bank dianggap sebagai wang dalam membuat pembayaran?
- A. Deposit semasa merupakan wang sah
 - B. Deposit semasa dijamin sepenuhnya oleh bank
 - C. Pembayaran boleh dibuat melalui kemudahan cek
 - D. Deposit semasa boleh dikeluarkan dalam bentuk tunai pada tempoh matang
30. Maklumat di bawah berkaitan dengan kemudahan deposit bank perdagangan.

Peluang keemasan sempena sambutan Hari Malaysia 2016!!!
Simpanan dalam akaun yang akan memberikan kadar faedah setinggi 5% setahun bagi tempoh matang 6 bulan. Tawaran bermula sekarang sehingga 16 September 2016.

Pilih ciri lain yang **tepat** menggambarkan kemudahan deposit tersebut.


- A. Pemegang akaun akan dibekalkan sebuah buku cek
 - B. Pemegang akaun akan diberikan sijil simpanan
 - C. Boleh mengeluarkan simpanan pada bila-bila masa
 - D. Boleh memohon kad juruwang elektronik (ATM)
31. Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu kemudahan deposit bank perdagangan,

- Pemegang akaun boleh mengeluarkan simpanan bila-bila masa
- Pemegang akaun akan diberikan faedah

Apakah kemudahan deposit tersebut?

- A. Akaun deposit tetap
- B. Akaun deposit semasa
- C. Akaun pelaburan khas
- D. Akaun deposit simpanan

32. Gambar di bawah berkaitan dengan suatu kemudahan deposit bank perdagangan.



Pilih ciri lain yang tepat menggambarkan kemudahan deposit tersebut.

- A. Menawarkan kadar faedah yang lebih tinggi
- B. Pemegang akaun boleh memohon kemudahan overdraf
- C. Pendeposit tidak boleh memohon kad juruwang elektronik (ATM)
- D. Hanya boleh mengeluarkan simpanan apabila tempoh matang

33. Antara yang berikut, yang manakah merupakan ciri utama kemudahan overdraf?

- A. Kemudahan pinjaman jangka panjang
- B. Kemudahan pinjaman yang disediakan untuk pemegang akaun deposit tetap
- C. Kadar faedah dikenakan ke atas jumlah kemudahan overdraf yang diluluskan
- D. Sesuai digunakan untuk membeli stok perniagaan dan membayar perbelanjaan luar jangka

34. Pilih pasangan pernyataan yang **benar**.

	Pinjaman peribadi	Pinjaman cagaran
A	Memerlukan cagaran	Tidak memerlukan cagaran
B	Peminjam harus membayar balik pinjaman secara sekali gus	Peminjam akan membayar balik pinjaman secara ansuran
C	Pinjaman jangka panjang	Pinjaman jangka pendek
D	Digunakan untuk membeli barang tahan lama	Digunakan untuk pembiayaan asset tetap

35. Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu kemudahan bank perdagangan.

Arahan pemegang akaun tabungan dan akaun semasa kepada bank untuk membayar bayaran tetap yang berulang dan pada tarikh yang ditetapkan.

Apakah kemudahan tersebut?

- A. Kemudahan kad kredit
- B. Debit langsung
- C. Perintah sedia ada
- D. Kad juruwang elektronik

36. Apakah pembayaran yang boleh dilakukan oleh individu melalui kemudahan debit langsung?
- A. Bil telefon
 - B. Ansuran kereta
 - C. Premium insuran
 - D. Gaji pekerja

37. Pilih pernyataan yang **tepat** menerangkan kemudahan draf bank.

- I. Dikenakan caj perkhidmatan atas penggunaannya
- II. Cek yang dikeluarkan oleh pemegang akaun semasa
- III. Boleh membuat bayaran semasa melancong ke luar negara
- IV. Dijamin sepenuhnya oleh bank yang mengeluarkannya

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

38. Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu prinsip skim perbankan Islam (SPI)

- Suatu konsep jual beli barang secara ansuran termasuk margin keuntungan
- Digunakan dalam pembiayaan rumah atau kenderaan

Apakah konsep skim perbankan Islam?

- A. Takjiri
- B. Wadiah
- C. Mudharabah
- D. Bai Bithaman Ajil

39. Pilih pernyataan yang benar mengenai prinsip Mudharabah.

- I. Suatu kontrak simpanan keselamatan antara penyimpan dengan bank
- II. Terbahagi kepada akaun pelaburan am dan akaun pelaburan khas
- III. Suatu kontrak perkongsian keuntungan antara bank dengan pemilik hotel
- IV. Konsep penjualan barang pada harga yang lebih tinggi daripada harga belian

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

40. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan sistem barter?

- A. Memerlukan kehendak serentak
- B. Mudah digunakan dalam urusan niaga pelbagai hala
- C. Merupakan sistem pertukaran barang dengan wang
- D. Menggunakan cek sebagai alat perantaraan pertukaran